

UCAPTAMA

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**

**SEMPENA
MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (JPPBT) 2013**

PADA 19-21 MEI 2013

Assalamualaikum wbt,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saudara/Saudari Pengacara Majlis

YBhg Datuk Noriah binti Hashim
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan (KKBPKT)

Ybrs. Tuan Yong Bun Fou
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), KKBPKT

YBhg Dato' Halimi bin Abdul Manaf
Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan

YBhg Dato' Hj Abdul Halim b Hj Abdul Latif
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban merangkap
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Nilai

Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian, KKBPKT

YBhg. Datuk Bandar, Yang DiPertua, Presiden dan Pengerusi Pihak
Berkuasa Tempatan (PBT)

Pembentang-Pembentang Kertas Kerja

Wakil-wakil Agensi Persekutuan dan Negeri

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan berkat dan keizininannya jua dapat kita bersama-sama sekali lagi berhimpun pada tahun ini bagi menjayakan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) 2013. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Negeri Sembilan dan Majlis Perbandaran Seremban serta Majlis Perbandaran Nilai atas kerjasama dalam menjayakan Mesyuarat JPPBT kali ini. Di sini saya juga mengalu-alukan kehadiran semua Datuk Bandar, Yang DiPertua dan Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta wakil daripada agensi pusat yang turut dijemput bersama hadir dalam mesyuarat ini. Sesungguhnya kehadiran Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan pada hari ini adalah amat penting dalam merealisasikan hasrat Kementerian untuk menjadikan Mesyuarat JPPBT sebagai forum untuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyampaikan dasar-dasar terkini Kerajaan berhubung dengan kerajaan tempatan bagi memastikan dasar-dasar yang diputuskan dilaksanakan. Mesyuarat ini juga membolehkan PBT berkongsi amalan terbaik yang ada.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PBT

Hadirin yang dihormati sekalian.

2. Saya amat menyedari tugas dan tanggungjawab sebagai seorang Datuk Bandar atau YDP sesebuah PBT amat berat dan mencabar. Sebagai CEO PBT, YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan perlu mentadbir sebuah Kerajaan yang paling hampir dengan rakyat dan berurusan dengan rakyat. Tugas dan peranan PBT ini dinyatakan dengan jelas di bawah 3 Akta utama. Di bawah Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171), PBT dipertanggungjawabkan sebagai *urban manager* yang akan mentadbir semua hal-hal perbandaran seperti penyediaan kemudahan awam, pelesenan dan kebersihan. Manakala di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa (Akta 172) PBT bertanggungjawab sebagai *urban planner* yang merancang pembangunan sesebuah bandar yang sejahtera dan di bawah Akta Parit, Jalan dan Bangunan (Akta 133) PBT bertindak sebagai *urban regulator* yang akan menguatkuasakan undang-undang bagi memastikan penduduk bandar dapat hidup dengan aman dan sejahtera dan sebagai persediaan menuju negara maju menjelang 2020.
3. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kerana sebahagian besar daripada PBT telah berjaya melaksanakan tanggungjawab ini dengan baik dan memberikan sumbangan besar yang membolehkan negara kita terus maju malahan telah adapun negeri yang mengisytiharkan sebagai negeri maju.

KESAN PERUBAHAN DEMOGRAFI KE ATAS PBT

Hadirin yang dihormati sekalian.

4. Negara kita amat terkenal dengan rancangan pembangunan luar Bandar. Walau bagaimanapun, dengan perubahan demografi yang berlaku, semakin ramai rakyat berhijrah dari luar bandar ke bandar dan sehingga kini lebih kurang 70% rakyat tinggal di kawasan bandar. Perubahan demografi ini menyebabkan timbul pelbagai masalah lain di kawasan bandar. Isu keselamatan, isu kekurangan perumahan mampu milik, setingan, kekurangan kemudahan awam dan fasiliti-fasiliti sosial mengakibatkan gejala-gejala sosial yang sukar dibendung. Masalah lepak dikalangan remaja, rempit, penggunaan dadah, perdagangan manusia, pelacuran dan seumpamanya berleluasa dan meningkat. Pihak keselamatan hanya berupaya membendung kegiatan aktiviti yang bersifat *criminal* sahaja tetapi akar kepada kompleksiti bandar belum dapat ditangani secara berkesan. Berikutan daripada itu, pihak Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk memperkemaskan struktur perkhidmatan perbandaran dengan memperkemaskan strategi memperkasakan kesejahteraan bandar.

Hadirin yang dihormati sekalian.

5. Dalam mendepani masalah kompleksiti bandar, Kerajaan akan mempertingkatkan lagi kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan PBT dan seterusnya komuniti bagi menangani isu-isu yang wujud kesan daripada pembangunan bandar. Sebagai Kementerian yang dipertanggungjawabkan dalam hal-hal berkaitan dengan

kesejahteraan bandar dan kerajaan tempatan di peringkat persekutuan, Kementerian ini akan memberikan fokus kepada 3 aspek utama bagi meningkatkan kehidupan warga bandar:

- (i) Pertamanya melalui penyediaan kemudahan-kemudahan masyarakat yang lebih sejahtera. Lebih banyak projek-projek pembangunan kemudahan awam untuk kemudahan rakyat akan disediakan. Projek-projek akan ditumpukan kepada kawasan-kawasan yang amat memerlukan seperti di kawasan-kawasan perumahan awam. Di antara kemudahan awam yang akan dibina ialah pembangunan kawasan riadah, padang bola, dewan orang ramai, taska dan tadika dan penyediaan tandas-tandas awam yang lebih baik.

- (ii) Keduanya melalui peningkatan penyertaan awam di dalam pengurusan dan pembangunan di PBT. Ia boleh dicapai melalui cadangan penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) yang fungsi dan peranannya hampir sama dengan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan kampung (JKKK) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Ahli-ahli JPP ini akan dipilih sendiri oleh penduduk melalui sesi *townhall* yang akan diadakan. Selain daripada itu Kementerian juga akan mempergiatkan lagi pelaksanaan program Local Agenda 21 (LA21) yang melibatkan PBT, masyarakat dan agensi swasta di kawasan masing-masing. Kementerian juga merancang untuk mengkaji semula kaedah perlantikan Ahli Majlis bagi membolehkan sebahagian daripada Ahli Majlis dipilih daripada kalangan penduduk tempatan.

- (iii) Ketiganya ialah untuk memperkasa PBT melalui perubahan struktur dan perjawatan. Kementerian sedang mengkaji beberapa cadangan agar dibuat penjajaran semula skim-skim di PBT serta struktur PBT. Cadangan ini sekiranya mendapat reaksi positif untuk dilaksanakan boleh memberi peluang kerjaya yang lebih baik kepada kakitangan PBT seterusnya dapat meningkatkan motivasi dan komitmen kerja di samping menangani isu-isu yang berkaitan dengan integriti.

MENERUSKAN STRATEGI MENINGKATKAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

6. Hadirin sedia maklum bahawa pada hari ini cabaran-cabaran baru telah timbul berikutan daripada PRU13. Pendeknya, pihak Kerajaan melalui Perkhidmatan Awam harus mengambil tanggungjawab untuk meneruskan inisiatif-inisiatif berikut:
 - (i) Memastikan perpaduan nasional terus diperkukuhkan berpaksikan kepada Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan;
 - (ii) Menguruskan ekonomi dengan baik untuk memastikan pertumbuhan Negara terus berkembang dan pengagihan kekayaan kepada rakyat berdasarkan prinsip keadilan sosial;
 - (iii) Bajet 2013 perlu dilaksanakan dengan licin, lancar dan berkesan mengikut jadual yang telah ditetapkan;

- (iv) Melaksanakan sepenuhnya Dasar Transformasi Nasional seperti GTP, ETP dan NKEA;
 - (v) Melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan;
 - (vi) Indeks Prestasi Utama (KPI) setiap Menteri dan Kementerian perlu dicapai sepenuhnya; dan
 - (vii) Meneruskan penambahbaikan sistem penyampaian Kerajaan berdasarkan enam prinsip baru perkhidmatan awam iaitu CTI (Cepat, Tepat dan Integriti), dan PCI (Produktif, Kreatif dan Inovatif).
7. Berikutan daripada itu, pihak PBT disarankan untuk menyemak strategi serta pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang untuk membantu transformasi dan pengukuhan semula pembangunan Negara.

Hadirin yang dihormati sekalian

8. Kementerian adalah komited memastikan hala tuju ini dapat dijadikan rujukan utama dan panduan kepada semua PBT di seluruh Negara. Penetapan hala tuju ini menunjukkan kesungguhan Kerajaan dalam memastikan wawasan Negara untuk menjadikan Negara ini sebagai Negara maju dan Negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dapat dicapai. Selain daripada itu saya amat berharap agar semua warga PBT menunjukkan semangat dedikasi dan meningkatkan produktiviti sepanjang tahun 2013 bagi menjadikan tahun ini lebih cemerlang

daripada tahun-tahun sebelumnya. Justeru, demi memastikan semua agensi di bawah KKBPKT dapat memberikan perkhidmatan terbaik, saya sentiasa mengalu-alukan apa jua pandangan, teguran dan cadangan penambahbaikan daripada PBT.

MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM

Hadirin yang dihormati sekalian

9. PBT merupakan Kerajaan peringkat ketiga selepas Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. PBT adalah Kerajaan yang paling hampir dengan rakyat. Sesungguhnya PBT adalah merupakan cerminan sesebuah Kerajaan bagi rakyat. Jika bagus prestasi PBT, maka baguslah Kerajaan itu pada pandangan rakyat. Begitulah sebaliknya. Sehubungan dengan itu, Peranan Datuk Bandar dan YDP yang merupakan pemimpin tertinggi di sesebuah PBT amat penting bagi memastikan Kerajaan di mata rakyat adalah Kerajaan yang responsif, inovatif dan diterima oleh rakyat.

10. Sebagai langkah memastikan Kerajaan sentiasa mengambil kira kepentingan rakyat di dalam pelaksanaan sesuatu dasar atau keputusan, Kerajaan telah mengambil langkah untuk merakyatkan perkhidmatan awam. Pendekatan ini adalah selaras dengan pelaksanaan konsep 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Untuk melaksanakan inisiatif merakyatkan perkhidmatan awam di PBT sepatutnya tidaklah sukar kerana PBT sentiasa berhadapan dengan rakyat setiap masa. Apa yang perlu dilakukan oleh PBT ialah mereka perlu memastikan setiap

keputusan yang dibuat tidak sehalal sebaliknya dua hala dengan mengambil kira pandangan penduduk di kawasan masing-masing. Selain daripada mengadakan sesi-sesi rundingan dan mesyuarat di pejabat, Datuk Bandar atau YDP PBT perlu selalu turun padang berjumpa dengan penduduk di kawasan perumahan mereka untuk melihat sendiri permasalahan mereka. PBT bukan sahaja perlu menyelesaikan setiap permasalahan tetapi juga perlu dilihat berusaha untuk menyelesaikan masalah tersebut walaupun masalah tersebut sukar diselesaikan dan mengambil masa.

11. Konsep merakyatkan perkhidmatan awam yang diterajui oleh KSN ini bukan sahaja meliputi perjumpaan bersama penduduk sahaja tetapi turut menekankan supaya setiap ketua untuk turun padang untuk melihat dan prihatin terhadap kakitangan bawahan mereka. Kebajikan semua kakitangan perlu dijaga. Di PBT umpamanya Datuk Bandar dan YDP perlu berjumpa secara berkala dengan petugas-petugas kaunter untuk memberikan semangat dan perangsang agar mereka menunjukkan prestasi yang cemerlang setiap masa.

PELAKSANAAN STRATEGI LAUTAN BIRU 7

Hadirin yang dihormati sekalian.

12. Dalam usaha meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat Kerajaan melaksanakan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS). Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan ***Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) 7: Neighbourhood***

Improvement: My Beautiful Neighbourhood. NBOS 7 ini memberi fokus kepada pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi kepada rakyat dalam usaha memajukan semula kawasan-kawasan yang '*rundown*' secara kolaborasi antara jabatan/ agensi dan pihak swasta serta menitikberatkan pelaksanaan segera. Antara inisiatif yang dilaksanakan di bawah NBOS 7 adalah seperti berikut:

- (i) memulihkan semula kawasan-kawasan '*black spot*';
- (ii) melakukan pembersihan kawasan dalam memperbaiki persepsi keselamatan;
- (iii) penglibatan pelbagai agensi (pendekatan holistik);
- (iv) projek atau program yang berimpak tinggi dalam mengubah persepsi; dan
- (v) memperkasakan penduduk untuk keselamatan kejiranan yang mampan.

13. Tiga elemen utama pelaksanaan Program NBOS 7 adalah pelaksanaan projek pada tahap **kos yang minima dan disiapkan dalam jangkamasa singkat dan berimpak tinggi**. NBOS7 dilaksanakan berdasarkan penyatuan sumber daripada tujuh (7) jabatan di bawah KKBPKT iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Perumahan Negara (JPN), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Landskap Negara (JLN), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) di mana JPBD merupakanurus setia utama dalam pelaksanaan NBOS 7 di KKBPKT. NBOS 7 turut melibatkan projek *House Build*

di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Bagi tahun 2013 sebanyak 21 projek telah sedang dilaksanakan di 10 buah negeri; manakala pada tahun 2014 pula sebanyak 50 projek lagi akan dilaksanakan. Sehubungan dengan itu PBT adalah dipohon untuk mengenalpasti tapak-tapak projek yang sesuai untuk dilaksanakan projek NBOS 7 ini. Ini meliputi penyenggaraan rumah-rumah kos rendah awam (mungkin juga selepas ini ditambah perumahan swasta), mengganti bumbung, mengecat, pendawaian, ganti *railing* dan sebagainya. Manakala penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan awam termasuklah menaik taraf longkang, menaik taraf jalan, membina dewan, gelanggang futsal, tempat letak kereta dan sebagainya.

PELAKSANAAN *BROKEN WINDOW THEORY*

Hadirin yang dihormati sekalian.

14. Kementerian sering juga menerima aduan daripada penduduk berkenaan dengan infrastruktur dan kemudahan awam seperti jalan, longkang, lampu, dewan orang ramai dan padang-padang permainan kanak-kanak yang tidak diselenggara dengan baik oleh PBT. Pada kesempatan ini suka saya berkongsi satu teori yang telah dilaksanakan oleh kebanyakan PBT di negara-negara barat dalam menangani isu kemudahan awam iaitu teori "*Broken window*". Teori ini adalah salah satu teori yang dilaksanakan dengan meluas di USA pada awal tahun 90an bagi mengatasi masalah jenayah di kawasan mereka. Teori ini menjelaskan bahawa satu jendela pecah yang dibiarkan akan mengundang

orang lain untuk memecahkan kaca jendela yang lainnya. Jendela pecah yang tidak diperbaiki dan tidak dipedulikan, akan menyebabkan datangnya kerosakan-kerosakan lain yang lebih parah.

15. Bagi saya teori ini masih relevan dilaksanakan oleh PBT di dalam menguruskan infrastruktur awam yang dibina. Sebagai contoh sekiranya sesuatu kawasan taman permainan kanak-kanak yang dibina tidak diselenggara dengan baik dan dibiarkan usang, tempat itu akan menjadi tempat berlakunya kegiatan vandalisma. Permainan lain yang tidak atau belum rosak akan dirosakkan. Kawasan tersebut seterusnya akan menjadi kawasan pembuangan sampah-sarap dan terus ditinggalkan dan akan memberikan masalah bukan sahaja kepada penduduk dan akan menjadi punca aduan kepada PBT. Sehubungan dengan itu, PBT perlu memastikan setiap infrastruktur di selenggara dengan sempurna. Setiap masalah perlu segera diselesaikan semasa masalah itu masih kecil lagi. Sekiranya masalah tersebut telah menjadi besar ia sudah pastilah sukar untuk diselesaikan dan akan melibatkan kos yang tinggi. Amatlah wajar jika ia dilaksanakan sepanjang masa dan dijadikan SOP oleh setiap PBT.

MELAKSANAKAN CTI-PCI

Hadirin yang dihormati sekalian.

16. Sebagai meneruskan momentum transformasi dan dalam usaha memperkasa komitmen perkhidmatan awam untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, Kerajaan telah

memperkenalkan enam (6) prinsip utama yang perlu dihayati oleh semua penjawat awam. Enam prinsip tersebut dikenali sebagai CTI-PCI, di mana CTI merupakan singkatan kepada Cepat, Tepat dan Integriti, manakala PCI merujuk kepada *Productivity, Creativity dan Innovation*. Semua prinsip utama ini menekankan nilai serta ciri perkhidmatan yang perlu dilaksanakan untuk melonjakkan penyampaian perkhidmatan awam melebihi aras kelaziman. Seterusnya akan merealisasikan matlamat membawa kesejahteraan kepada rakyat.

17. Budaya kesegeraan dan ketepatan yang berasaskan keutuhan integriti adalah pra syarat penting dalam menentukan kecemerlangan PBT manakala kreativiti dan inovasi pula akan melonjakkan PBT kepada budaya berfikir di luar kotak. Sehubungan dengan itu, PBT sebagai agensi barisan hadapan perlu mempunyai enam prinsip utama ini yang akan menjadi pelengkap kepada sistem, proses dan prosedur kerja yang cemerlang. Adalah penting bagi PBT dapat menjadikan CTI-PCI sebagai pegangan semua warga masing-masing dalam usaha untuk menyemarakkan lagi sistem penyampaian berprestasi tinggi di PBT yang berteraskan kepada rakyat sebagai pelanggan utama.

DAYA SAING NEGARA: DEALING WITH CONSTRUCTION PERMITS

Hadirin yang dihormati sekalian.

18. *World Bank Doing Business Report 2013* telah meletakkan kedudukan Malaysia di tangga ke-12 berbanding ke-18 pada tahun 2012. Pencapaian ini adalah satu petunjuk komitmen Malaysia

dalam memperbaiki kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang mudah untuk menjalankan perniagaan. Daripada 10 indikator yang diukur, ***Dealing With Construction Permits (DCP)*** telah menunjukkan **perubahan positif** berbanding 2 tahun kebelakangan ini. Kedudukan sebelum ini merekodkan Malaysia di tangga ke-113 dan telah naik 17 anak tangga **kepada tangga ke-96**. Kajian *World Bank* tersebut memberi gambaran tahap *Domestic Regulatory Framework* yang dikenakan kepada para pelabur membuka perniagaan di negara ini.

19. KKBPKT dengan kerjasama *Malaysia Productivity Corporation* telah menganjurkan Bengkel Kajian Asas Indikator *Dealing With Construction Permits* bagi Bandar-bandar Utama di **16 PBT** bagi bandar-bandar utama adalah untuk mendapatkan gambaran sebenar bilangan **prosedur, tempoh masa dan kos** yang dikenakan kepada pelabur mendapatkan permit pembinaan untuk membina sebuah stesen minyak Petronas dengan memfokuskan kepada 3 perkara iaitu;
 - (i) Menghapuskan prosedur yang tidak relevan dalam rangka kerja Urusan Permit Pembinaan;
 - (ii) Memudahkan prosedur yang kurang cekap dan berkesan; dan
 - (iii) Mereka bentuk semula rangka kerja peraturan untuk Urusan Permit Pembinaan bagi setiap PBT.

Bengkel-bengkel tersebut telah menghasilkan beberapa **cadangan penambahbaikan (*Quick Wins*)** untuk dilaksanakan

tanpa melibatkan implikasi kos atau pindaan kepada undang-undang sedia ada seperti berikut:

(i) **Quick Win 1 (Kelulusan pelan):**

Permohonan serentak dikemukakan melalui OSC dan kelulusan rasmi dikeluarkan melalui OSC. Bilangan prosedur dikurangkan menjadi 1 prosedur.

(ii) **Quick Win 2 (Notis mula kerja):**

3 notis dikemukakan serentak kepada OSC untuk diedarkan kepada agensi-agensi teknikal yang berkaitan. Bilangan prosedur dikurangkan menjadi 1 prosedur.

(iii) **Quick Win 3 (*Interim inspection*):**

Interim inspection sekiranya diperlukan dilakukan melalui kaedah *spot checks* oleh agensi teknikal. Laporan *interim inspection* dijadikan asas pertimbangan pengeluaran surat pengesahan pematuhan kerja. Tiada bilangan prosedur.

(iv) **Quick Win 4 (*Final inspection*):**

Tarikh *final inspection* diselaras oleh OSC dan dijalankan serentak pada hari yang sama bersama agensi teknikal yang berkaitan. Surat pengesahan pematuhan kerja dikeluarkan pada hari yang sama.

(v) **Quick Win 5 (Pengedaran CCC):**

Salinan CCC dan borang-borang G dikemukakan kepada OSC untuk diedar kepada PBT dan Lembaga Profesional.

(vi) **Quick Win 6 (Penyambungan utiliti):**

Penyambungan utiliti serta merta oleh agensi teknikal apabila terima permohonan dari pemohon.

Saya berharap semua PBT akan memberikan kerjasama dalam menjayakan inisiatif *quick wins* ini. Usaha yang berterusan ini diharap akan membuahkan hasil yang positif bagi menaikkan kedudukan negara kita di dalam *World Bank Doing Business Report 2014 : Dealing With Construction Permits*.

PELAKSANAAN AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007 (AKTA 672)

Hadirin yang dihormati sekalian.

20. Mulai 1 September 2011 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) telah dikuatkuasakan dan beberapa negeri telah menerima pakai Akta ini. Dengan penguatkuasaan Akta ini semua urusan berkaitan pengurusan sisa pepejal bagi negeri-negeri berkenaan diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA). Kementerian ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua PBT di atas kerjasama yang diberikan kepada PPSPPA. Secara keseluruhan terdapat peningkatan dari segi mutu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam terutamanya di ibu-ibu negeri. Dalam tempoh tiga tahun iaitu 2012 hingga 2014, sejumlah 1,775,839 unit tong sampah MGB 120L akan diedarkan oleh PPSPPA dalam

pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Daripada jumlah ini sebanyak 900,127 unit telah diedarkan pada tahun 2012 dan sejumlah 623,595 unit akan diedarkan pada tahun 2013. 252,117 unit lagi akan diedarkan bermula September 2014.

21. Berdasarkan kepada rekod di PPSPPA, pembayaran oleh negeri-negeri masih boleh diperbaiki. Sehubungan dengan itu sekali lagi saya berharap semua negeri yang terlibat akan memberikan kerjasama sepertimana yang dipersetujui dalam perjanjian *tripartite*. Saya amat berharap semua negeri dan semua PBT akan memberikan perhatian kepada perkara ini bagi memastikan hasrat Kerajaan untuk memberi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal lebih baik dapat dicapai. Seperti kita semua sedia maklum peningkatan tahap perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam melibatkan perbelanjaan yang besar. Daripada September 2011 sehingga Januari 2013 sejumlah RM781.22 juta telah dibelanjakan oleh PPSPPA di mana RM435.58 juta sepatutnya ditampung melalui bayaran yang dibuat oleh PBT dan RM345.64 daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan.

22. PPSPPA telah dilantik sebagai salah satu agensi teknikal dalam jawatankuasa OSC. KKBPKT telah menyediakan satu Garis Panduan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal bagi pembangunan baru dan garis panduan ini telah diedarkan pada Disember 2012. Garis panduan ini disediakan bagi memastikan pembangunan yang dilaksanakan turut menyediakan kemudahan untuk pengurusan sisa pepejal yang efektif. Sehubungan dengan itu PBT adalah sangat diharapkan untuk memberikan kerjasama yang baik

kepada PPSPPA supaya garis panduan ini dapat diterima dan diguna pakai segera oleh semua PBT.

PELAKSANAAN AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757)

Hadirin yang dihormati sekalian.

23. Rang Undang-Undang Pengurusan Strata (RUUPS) 2012 yang dibentangkan dalam Mesyuarat JPPBT 2012 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 26 November 2012 dan Dewan Negara pada 19 Disember 2012 dan telah mendapat perkenan Seri Padula Baginda Yang DiPertuan Agong pada 5 Februari 2013. RUUPS dinamakan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Sesi Taklimat Akta 757 kepada semua Setiausaha Kerajaan Negeri telahpun diadakan untuk memaklumkan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berhubung pemansuhan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 atau Akta 663, pemakaian Akta 757 dan keperluan PBNewartakan Akta 757 bagi membolehkan ianya berkuatkuasa. Akta 757 dijangka berkuatkuasa pada Jun 2013. Saya berharap semua Datuk Bandar dan YDP PBT selaku Pesuruhjaya Bangunan bersedia dengan pelaksanaan Akta baru serta memaklumkan kepada semua pihak pengurusan (pemaju/JMB/MC) di PBT masing-masing berhubung dengan pemansuhan Akta 663 dan pemakaian Akta 757.
24. Seperti semua sedia maklum, KKBPKT telah memperkenalkan Indeks Kualiti Pengurusan Pihak Pengurusan (Pemaju/JMB/JMC) yang menjadi indikator utama menentukan tahap kualiti pihak

pengurusan sesuatu kawasan pemajuan berstrata. Bagi tahun 2012, daripada 15,503 kawasan pemajuan, hanya 7,638 (49.3%) pihak pengurusan yang dinilai oleh Pesuruhjaya Bangunan. Daripada jumlah yang dinilai tersebut bilangan yang mencapai 3 bintang dan ke atas adalah sebanyak 2,270 atau 29%. Ini menunjukkan tahap kualiti pengurusan masih tidak memuaskan. Sehubungan dengan itu komitmen Pesuruhjaya Bangunan adalah amat diperlukan dalam memastikan setiap kawasan pemajuan berstrata mempunyai pihak pengurusan yang berkualiti.

PROGRAM TANDAS BERSIH

Hadirin yang dihormati sekalian.

25. Setiap tahun Kementerian ini menganjurkan Sambutan Hari Tandas Sedunia yang jatuh pada tarikh 19 November. Pelbagai program tandas bersih juga telah diadakan diantaranya ialah pengauditan tandas-tandas di bawah seliaan PBT di seluruh negara. Daripada 19,338 tandas-tandas awam yang diaudit pada tahun 2012, hanya 69% mendapat 3 bintang ke atas. Apa yang berlaku kepada 31% atau 6,123 tandas yang mendapat 1, 2 dan tiada bintang ini. Sekiranya ianya terus digunakan lagi tanpa tindakan-tindakan untuk dibaiki atau dinaik taraf maka ianya akan terus menjadi sungutan dan aduan daripada orang ramai dan akhirnya akan menjejaskan imej PBT yang berkaitan. Sehubungan dengan itu bagi tahun 2013 dan tahun-tahun seterusnya Kementerian akan memberikan fokus untuk menambahbaik tandas-tandas awam di kawasan PBT dan telah menjadikannya sebagai satu lagi program Strategi Lautan Biru Kebangsaan

(NBOS) dan akan melibatkan pelbagai jabatan dan agensi di bawah Kementerian ini. Kerjasama PBT adalah diperlukan bagi mengenalpasti tandas-tandas awam yang perlu dibaiki, dinaiktaraf dan dibina baru berdasarkan prototaip yang disediakan oleh Kementerian ini.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2014

Hadirin yang dihormati sekalian

26. Tahun 2014 merupakan tahun melawat Malaysia. Sehubungan dengan itu saya menyeru supaya semua PBT bersedia untuk menyambut kunjungan pelancong ke kawasan masing-masing. PBT perlu memberikan perhatian kepada kemudahan awam di tempat pelancongan termasuk kebersihan tandas, kebersihan premis makanan dan kebersihan semua premis perniagaan. Kemudahan infrastruktur dan keindahan alam semula jadi di PBT perlu dilengkapi dengan kebersihan bagi menjamin keselesaan pelancong yang akan berkunjung. Kehadiran pelancong yang ramai semasa Tahun Melawat Malaysia 2014 juga akan menambah jumlah kenderaan di jalan raya dan meningkatkan keperluan tempat letak kereta. PBT harus bersedia untuk menangani peningkatan pelancong supaya imej Malaysia dapat dijaga dengan baik.

BANTUAN KEWANGAN KEPADA PBT

Hadirin yang dihormati sekalian,

27. Setiap tahun Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian ini akan menyalurkan peruntukan kewangan kepada semua PBT sama ada berupa Geran Tahunan, Sumbangan Membantu Kadar (SMK) dan peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek kecil dan Kampung Tradisional di kawasan PBT (BP1). Pada tahun 2011, peratus perbelanjaan bagi projek BP1 adalah 96.6% manakala peratus perbelanjaan BP1 bagi tahun 2012 adalah 93.2% dan lebih rendah daripada peratus kebangsaan. Sehubungan dengan itu saya amat berharap supaya PBT dapat membantu Kementerian bagi meningkatkan peratusan perbelanjaan ini untuk mencapai sasaran 99%. Pada tahun 2013 sebanyak RM292,932,100.00 diperuntukkan kepada PBT untuk projek-projek kecil dan Kampung Tradisional dalam Kawasan PBT manakala RM302,228,760.22 diperuntukkan untuk Geran Tahunan dan RM 271,541,276.06 diperuntukkan untuk Sumbangan Membantu Kadar. Peratus Perbelanjaan bagi projek BP 1 bag tahun 2012

28. Selain daripada menyalurkan peruntukan, Kementerian juga telah melaksanakan Program Pemantauan Audit Teknikal kepada 26 buah PBT pada tahun 2012. Objektif utama Audit Teknikal ini untuk memastikan peruntukan pembangunan yang disalurkan kepada PBT telah dimanfaatkan sepenuhnya. Ia juga bagi memastikan kaedah perolehan dilaksanakan berdasarkan tatacara kewangan sedia ada, projek disiapkan mengikut spesifikasi dan PBT melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan yang

sewajarnya. Audit ini mendapati secara keseluruhannya, peruntukan yang disalurkan telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh PBT dalam melaksanakan projek-projek serta program yang berkaitan, namun terdapat beberapa aspek yang perlu dipertingkatkan ketika mengurus dan melaksanakan projek terutamanya yang melibatkan prosedur dan tatacara kewangan, proses perolehan, elemen pemantauan dan penyelenggaraan. Program Audit Teknikal akan diteruskan pada tahun 2013 dengan melibatkan 30 PBT. Pasukan audit akan melawat PBT-PBT yang terpilih bermula Mac 2013 sehingga Julai 2013.

PELAKSANAAN SISTEM ePBT

Hadirin yang dihormati sekalian.

29. Kementerian telah membangunkan sistem ePBT untuk kegunaan PBT sebagai salah satu inisiatif bagi meningkatkan keupayaan PBT dalam menyediakan perkhidmatan mengikut keperluan pelanggan melalui sistem bersepadu yang dibangunkan merangkumi teras bidang kerja utama PBT seperti Kompaun, Taksiran, Pelesenan, Sewaan dan Perakaunan. Untuk itu, sebanyak RM17,161,956 telah dibelanjakan melibatkan kos pembangunan sistem dan penyediaan perkakasan bermula dari fasa perintis pada tahun 2006, seterusnya fasa peluasan pada tahun 2007 dan 2010. Sebanyak 61 PBT pada masa ini sedang menggunakan sistem ePBT melibatkan sebahagian PBT di Negeri Sembilan, Perak, Melaka, Perlis, Pahang, Kelantan, Kedah, Terengganu dan Selangor iaitu MP Ampang Jaya. Berdasarkan kajian yang dibuat pada tahun ini, hanya 29 PBT telah mencapai

peratus penggunaan kesemua 20 modul dalam sistem ePBT melebihi 85%, manakala selebihnya sebanyak 32 PBT peratusan penggunaan berada di bawah 85%. Susulan dari jumlah peratusan penggunaan yang rendah ini, di mohon kepada semua Yang Dipertua PBT meningkatkan penggunaan sistem ini melalui pemantauan berterusan dan mewajibkan penggunaan sistem ini memandangkan banyak pelaburan telah dibuat dan sekiranya menghadapi masalah PBT berkenaan perlu mencontohi mana-mana PBT yang telah berjaya mencapai peratus penggunaan yang tinggi.

PELAKSANAAN ePAYMENT

Hadirin yang dihormati sekalian.

30. Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan (Pemudah) untuk Memperkemaskan Pelaksanaan ePayment dalam Sektor Awam yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 17 Disember 2012 telah menekankan pentingnya semua PBT untuk mempertingkatkan jumlah transaksi e-Payment dan jika perlu meningkatkan program-program promosi bagi memberi penerangan kepada pelanggan masing-masing dan menggalakkan mereka menggunakannya. Bagi 61 PBT yang menggunakan sistem e-PBT, KKBPKT melalui JKT sedang dalam perancangan untuk menambah baik sistem dengan menambah modul e-Payment dan sekiranya berjalan lancar modul ini dapat disediakan pada pengguna pada tahun ini atau selewat-lewatnya pada awal tahun hadapan. Dengan bertambahnya penawaran dan penggunaan ePayment, sektor awam dan seluruh lapisan

masyarakat boleh mendapatkan lebih banyak kemudahan dan peningkatan kecekapan operasi daripada pembayaran dan penerimaan wang yang lebih pantas dan cekap. Ini seterusnya menyumbang kepada daya saing ekonomi dan kualiti kehidupan rakyat yang lebih baik.

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Hadirin yang dihormati sekalian.

31. Pada mesyuarat kali ini beberapa jabatan di bawah KKBPKT dan beberapa agensi lain turut dijemput untuk membentangkan kertas kerja yang berkaitan dengan PBT. Di antara kertas tersebut adalah seperti berikut:

- (i) *“Pelaksanaan Strategi Lautan Biru Negara (NBOS) : Kejiranan Indah”* oleh KKBPKT
- (ii) *“Prestasi Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam* oleh KKBPKT
- (iii) *“Amalan terbaik pelaksanaan Pusat Setempat (OSC): Cabaran dan masa depan”* oleh *Malaysia Productivity Corporation (MPC), MITI*
- (iv) *“Rasuah dan Integriti : Isu dan Cabaran”* oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- (v) *“Garis Panduan Penjualan Makanan dan Minuman di Luar Pagar Sekolah”* oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

- (vi) *“Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai ke arah menuju Bandaraya Berinovasi”* oleh Majlis Perbandaran Seremban
- (vii) *“Penambahbaikan Program MURNInets”* oleh KKBPKT; dan
- (viii) *“Malaysia Mesra Perniagaan: Memantapkan Urusan Permit Perniagaan”* oleh MPC, MITI

Mesyuarat ini memberi peluang kepada semua pihak di peringkat Kerajaan Negeri dan PBT untuk memahami setiap dasar dan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan melewati sempadan Kementerian. Ambillah peluang pada sesi-sesi dialog diakhir setiap sesi untuk mendapatkan penjelasan bagi perkara-perkara yang masih kurang jelas.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

32. Akhir kata saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan pada kali ini.

Sekian, terima kasih.